

Headline	Ganjaran lumayan menanti para pemain PKS Uniten		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	260 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,241		



## Ganjaran lumayan menanti para pemain PKS Uniten

IMBUHAN lebih tinggi menanti barisan pemain PKS Uniten jika berjaya mempertahankan kejuaraan Liga Hoki Wanita Malaysia dimenangi musim lalu pada edisi kali ini.

Perkara itu diakui Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Datuk Profesor Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha pada majlis memperkenalkan para pemain dan barisan kejurulatihan PKS Uniten kepada pengurusan Uniten dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) malam kelmarin.

"Jika dapat mempertahankan kejuaraan liga, kami akan mempertimbangkan imbuhan yang lebih tinggi



PARA pemain PKS Uniten dijanjikan imbuhan yang lebih lumayan berbanding musim lalu jika berjaya mempertahankan kejuaraan musim ini.

kepada para pemain berbanding tahun lepas.

"Mana-mana sukan sepatutnya perlu diberikan insentif, cuma bentuk imbuhan itu perlu ada

perbincangan lagi selepas ini," katanya kepada *Kosmo!* sewaktu majlis tersebut di Pusat Pelajar Uniten, Kajang, Selangor malam kelmarin.

Beliau juga berkeyakinan PKS Uniten akan kembali bangkit ke landasan kemenangan selepas tewas mengejut 0-2 kepada wakil jempunan dari China,

Kelab Hoki Liaoning Infinite Space pada aksi ketiga liga. Ahad lalu.

"Anda boleh lihat semangat tinggi ditunjukkan para pemain dalam majlis

hari ini (malam kelmarin), jadi saya cukup yakin mereka dapat mengubah situasi sekarang dan kembali mempamerkan permainan cemerlang.

"Saya berharap PKS Uniten sekali lagi dapat menjadi juara Liga Hoki Wanita Malaysia seperti tahun lalu," jelasnya.

PKS Uniten yang dikendalikan penolong jurulatih skuad hoki wanita negara, Lailin Abu Hassan dijangka tidak berdepan halangan untuk meraih tiga mata ke atas Kuala Lumpur (KL) Wipers pada aksi keempat liga di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur hari ini.